

Lipis Bandar Warisan: Menyingkap Sejarah Bangunan Pentadbiran Kuala Lipis

Aina Nasuha binti Norazahar

Siti NurHanun binti Ayub

Aniza Jamaludin

Fakulti Pengurusan Maklumat

UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana

Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.

ABSTRAK

Malaysia kini dikenali sebagai sebuah negara yang sedang berdiri megah untuk membangun. Namun, dalam usaha untuk membangunkan negara ini, wujudnya pembinaan-pembinaan yang lama dan kaya dengan pelbagai peristiwa serta memiliki keunikan struktur yang tersendiri. Antaranya ialah stesen kereta api, bangunan pentadbiran kerajaan, sekolah, masjid, dan rumah-rumah kerajaan. Bangunan-bangunan ini seharusnya dipulihara supaya tidak lapuk ditelan zaman. Kajian ini akan menceritakan tentang Kuala Lipis, Pahang yang merupakan salah satu lokasi terdapat bangunan bersejarah yang masyhur dan mempunyai keistimewaan tersendiri. Tambahan pula, kajian ini akan merungkaikan kisah yang menarik di sebalik bangunan Pejabat Pentadbiran Daerah Lipis yang dibangunkan pada tahun 1919 yang dibina oleh pihak British untuk tujuan pentadbiran mereka pada tahun tersebut. Pertama sekali, kajian yang dilakukan ini akan membincangkan tentang peristiwa-peristiwa yang pernah berlaku di bangunan pentadbiran tersebut. Selain itu, kajian ini juga untuk mengetahui bahan-bahan yang digunakan serta kaedah untuk memelihara bangunan Pejabat Pentadbiran Daerah Lipis. Kajian ini menggunakan sumber utama, sumber kedua, serta kajian lapangan untuk mendapatkan maklumat tentang bangunan ini.

Kata kunci: Bangunan, Warisan, Sejarah, Kuala Lipis, Pahang

ABSTRACT

Malaysia is now recognized as a nation that stands to grow. However, in order to grow this region, there are old buildings rich in various functions, as well as having their own unique structure. There are train stations, government administration offices, schools, mosques, and so on. This building should be preserved in such a way that they are not damaged over time. This research will tell the reader about Kuala Lipis, Pahang, which is one of the places where the historic building is popular and has its own unique features. In addition, this research would explore the wonderful story behind the building of the Lipis District Administration Office, established in 1919 by the British for their administrative purposes the year before. First of all, this article will describe the issues that have happened previously in the administration building. In addition, this research is also intended to identify the materials used as well as the processes used to manage the Lipis District Administration Office. This research uses primary sources, secondary sources as well as survey data to collect information on this building.

Keywords: Buildings, Heritage, History, Kuala Lipis, Pahang

PENGENALAN

Sejarah lisan didasarkan pada tradisi lisan daripada menyebarkan pengetahuan. Pada dasarnya, kaedah ini mengandaikan bahawa setiap individu mempunyai nilai pengetahuan untuk dikongsi berdasarkan pengalaman mereka, termasuk tingkah laku, ritual, sikap, nilai mereka dan kepercayaan (Leavy, 2011).

Belakangan ini, sesetengah masyarakat gemar menikmati keindahan alam sekitar serta pembangunan yang mempunyai nilai-nilai sejarah untuk mengisi masa lapang mereka dengan melancong ke seluruh dunia untuk mengimbau dan menikmati pelbagai kenangan. Seperti yang kita tahu, pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan bersejarah kini ditentukan oleh kerjasama antara masyarakat untuk meneruskan dan menguruskan pengetahuan sejarah yang kian hilang untuk ditinggalkan kepada generasi yang akan datang. Walaupun bangunan bersejarah pada masa lalu dianggap sebagai sumber pendapatan ekonomi negara ekoran daripada keistimewaan seni bina, budaya dan keunikannya yang tersendiri, tetapi kini bangunan-bangunan bersejarah kebanyakannya telah dilupakan oleh generasi pada

masa kini (Romeo et al., 2015). Menurut Mustapa Long (2020), jika bangunan bersejarah ini tidak dipelihara dan dipulihara kemungkinan bangunan-bangunan ini akan terbiar seperti bangunan Pahang Club yang terletak di Kuala Lipis, Pahang. Kenyataan ini juga disokong oleh Norazahar Bin Osman (2020). Beliau menyatakan bahawa bangunan bersejarah hendaklah diteruskan penggunaannya supaya nilai sejarah itu dikekalkan.

Tambahan pula, bangunan bersejarah secara umum dianggap sebagai bangunan atau struktur yang mempunyai nilai bersejarah, iaitu masyarakat pada masa kini diperkenalkan dengan peristiwa sejarah melalui kaedah-kaedah yang tertentu seperti pembelajaran di sekolah, pembacaan, dan penceritaan. Perancangan dan pertimbangan yang sistematik diperlukan bagi mengekalkan nilai-nilai bersejarah ini. Kini, kebanyakan pemuliharaan bangunan bersejarah mengambil kira topik yang berkaitan dengan penilaian serta melibatkan penyesuaian mengikut keperluan semasa. Sebagai contoh, penilaian dari segi budaya, ekonomi, perundangan adalah daripada perspektif yang berbeza. Perbincangan yang hangat dalam pemuliharaan dan bidang warisan ialah “penghormatan”. Definisi ini bermaksud penghormatan kepada agama sesuatu bangsa kerana negara kita mempunyai pelbagai bangsa dan agama. Istilah ini mempunyai makna yang cukup luas kerana merangkumi sumber budaya sesuatu bangsa. Seterusnya, tindakan menggunakan semula bangunan ini biasanya mempunyai kaitan ekonomi untuk pemeliharaan dan pemuliharaan sumber budaya (Coscia dan Fregonara, 2004).

Selaras dengan itu, bangunan bersejarah dikatakan sebagai ingatan tradisi, norma dan nilai yang tidak dapat digantikan masyarakat, dan mereka harus melindungi dan memelihara warisan tersebut (Yazdanimehr, 2019). Bangunan-bangunan bersejarah yang dibina sesuai dengan keperluan, konteks dan kegunaannya. Walau bagaimanapun, perubahan fizikal yang mendadak dapat mengubah fleksibiliti fungsi utama bangunan dari masa ke semasa. Tambahan pula, sebuah bangunan mungkin mempunyai kepentingan bersejarahnya yang khusus ekoran daripada peristiwa atau tempoh sejarah tertentu. Sebagai alternatif, sesebuah bangunan itu sendiri mungkin mempunyai tarikan bersejarah yang khusus seperti corak pembinaan, reka bentuk, dan warna.

Pada waktu yang sama, ada pihak yang mengatakan bahawa penilaian bangunan bersejarah sering dianggap remeh oleh pihak yang bertanggungjawab (Pendlebury dan Townshend, 1999). Hal ini dikaitkan demikian kerana dengan sikap mereka yang tidak mengambil berat tentang tanggungjawab mereka dalam memelihara dan memulihara bangunan-bangunan bersejarah (Coeterier, 2002). Malahan, terdapat sesuatu yang lebih popular dan menyebabkan masyarakat tidak mengendahkan tentang apa yang harus dipelihara dan dipulihara bagi mengekalkan nilai sejarah yang kian pupus. Terdapat juga perdebatan berterusan dalam kalangan masyarakat tentang pengetahuan yang diberikan oleh pakar bangunan dalam memulihara dan memelihara bangunan adakah ia benar dan tepat sebagai kaedah memelihara dan memulihara bangunan atau tapak bersejarah (Tweed dan Sutherland et.al, 2011) terutamanya dalam memelihara dan memulihara bangunan bersejarah yang mempunyai nilai bermakna kepada negara (Delafons, 1997; Lamei, 2005).

Bukan itu sahaja, keputusan pemuliharaan secara tradisional didominasi oleh pakar elit di Hong Kong (Cheung, 2011). Belum ada mekanisme rasmi di mana orang ramai melancarkan permintaan untuk menetapkan monumen bangunan bersejarah. Malahan, masyarakat dikatakan tidak berunding sama ada sebelum atau selepas penamaan monumen. Sebaliknya, penyertaan masyarakat dalam perancangan dikatakan kurang memuaskan (Ng, 2005) dan ia merupakan salah satu kekurangan dalam perancangan bandar (Fong, 2001). Ekoran daripada kekurangan tanah telah menyebabkan pembangunan dan penekanan pertumbuhan ekonomi telah mengakibatkan pemeliharaan bangunan bersejarah dikatakan amat terhad. Hal ini demikian kerana, sebilangan besar bangunan warisan yang tidak ternilai harganya telah dirobuhkan bagi tujuan-tujuan yang tertentu. Sedangkan pemuliharaan bangunan warisan kini telah menjadi salah satu sumber yang penting bagi sesebuah negara (Henderson, 2001).

PERMASALAHAN KAJIAN

Seperti yang kita tahu, generasi kini banyak didedahkan dengan teknologi yang baru dan canggih sehingga mereka tidak mengendahkan sejarah-sejarah lama yang kian ditelan zaman. Hal ini terjadi kerana, kebanyakan masyarakat kini terlalu didedahkan dengan aplikasi-aplikasi

moden seperti permainan melalui gajet, berita-berita menerusi talian atau internet seperti *Youtube, Facebook, Whatsapp* dan banyak lagi. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk membuka mata masyarakat dan generasi akan datang tentang bangunan warisan bersejarah supaya mereka lebih menghargai setiap pembangunan yang berdiri megah di hadapan mereka. Setiap kajian yang dilakukan pasti mempunyai permasalahan yang hendak dirungkaikan.

Oleh itu, sekiranya kajian ini tidak dijalankan peristiwa-peristiwa ini pasti akan dilupakan oleh generasi yang akan datang dan mungkin akan mengakibatkan bangunan-bangunan bersejarah yang terdapat di negara ini akan terbiar begitu sahaja. A. Ghafar Ahmad (1994) dan Yahaya Ahmad (2006) berpendapat bahawa bangunan bersejarah yang terdapat di mana-mana negara hendaklah dipulihara. Hal ini demikian kerana, setiap bangunan itu mempunyai keunikan yang berbeza serta budaya dan penggunaan yang tidak ternilai harganya. Jika tidak dipelihara bangunan-bangunan tersebut berkemungkinan akan terus lenyap ditelan zaman (Hobson, 2004; Ashurst, 2006). Mustapa bin Long (2020) juga ada mengatakan bahawa usaha pemuliharaan bangunan Pejabat Pentadbiran Daerah Lipis seharusnya dilakukan dalam apa cara sekalipun agar bangunan-bangunan ini terus dikekalkan sejarahnya dan mempunyai kegunaan untuk generasi yang akan datang. Tambahan pula, mereka juga berpeluang untuk melihat dan menikmati keindahan bangunan-bangunan warisan tersebut sama ada dalam bentuk asal bangunan tersebut atau yang telah diubahsuai bentuknya.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah untuk mengetahui peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di bangunan Pentadbiran Daerah Lipis. Hal ini adalah kerana, banyak perkara yang tidak diketahui oleh masyarakat tentang keistimewaan bangunan ini. Menurut Mustapa bin Long (2020) kajian yang dilakukan ini mungkin akan menghasilkan pengetahuan luas tentang keunikan yang terdapat pada bangunan tersebut. Pada pandangan beliau, setiap ruang yang terbiar di bangunan itu boleh dibangunkan dengan menjadikan tempat tersebut sebagai sudut bacaan atau tempat berehat. Tujuan ini dilakukan supaya bangunan tersebut tidak terus dilupakan oleh generasi yang akan datang.

Selain itu, objektif kajian ini juga adalah untuk mengetahui bahan-bahan yang digunakan dalam membina Pentadbiran Daerah Lipis. Kajian ini juga dilakukan untuk mengetahui bahan-bahan yang digunakan dalam membangunkan bangunan ini yang membolehkan ia berdiri gagah sehingga ke hari ini. Norazahar Bin Osman (2020) mengatakan bahawa bahan yang digunakan adalah diimport khas daripada luar negara iaitu England, dan bahan yang digunakan kemungkinan boleh bertahan sehingga 100 tahun atau lebih.

Di samping itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengenal pasti bagaimana kaedah untuk memelihara dan memulihara bangunan Pentadbiran Daerah Lipis. Diharap dengan kajian ini juga dapat menambah pengetahuan tentang kaedah-kaedah untuk memastikan bangunan-bangunan lama atau bersejarah terus digunakan dan dikenali oleh khalayak ramai.

PERSOALAN KAJIAN

Terdapat beberapa persoalan yang akan dirungkaikan dalam penyelidikan ini. Antaranya ialah (1) apakah peristiwa-peristiwa yang telah berlaku di bangunan Pentadbiran Daerah Lipis? Penyelidikan ini berjaya merungkaikan beberapa maklumat tentang peristiwa yang berlaku di bangunan tersebut. Antaranya ialah, dalam bangunan ini terdapatnya sebuah bilik yang pernah diduduki oleh Sir Hugh Clifford untuk menjalankan tugas sebagai Pentadbir Daerah Lipis.

Tambahan pula, (2) apakah bahan-bahan yang digunakan dalam membina bangunan Pentadbiran Daerah Lipis? Ia merupakan salah satu persoalan bagi kajian ini. Penyelidikan ini akan menceritakan apakah bahan-bahan yang digunakan dalam pembinaan bangunan ini supaya akan memberi gambaran yang luas dan unik tentang bangunan ini. Menurut Norazahar Bin Osman (2020), bahan yang digunakan oleh pihak British untuk membina bangunan ini diimport khas dari negara England.

Seterusnya, (3) untuk mengenal pasti bagaimanakah kaedah untuk memelihara dan memulihara bangunan Pentadbiran Daerah Lipis? Kajian ini akan merungkai bagaimanakah kaedah yang boleh digunakan bagi memelihara dan memulihara bangunan pentadbiran ini. Menurut Mustapa Bin Long, 2020 jika bangunan pentadbiran ini dibiarkan dan tidak diperkenalkan

kepada generasi yang akan datang, kemungkinan bangunan ini akan terus dilupakan dan tidak akan digunakan lagi.

KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Terdapat banyak kepentingan dalam kajian ini, antaranya ialah kita dapat membezakan idea dan pendapat daripada lain-lain sumber. Terdapat sebilangan penyelidikan yang telah menentukan kepentingan penanda aras atau amalan standard di lapangan untuk beberapa komponen seperti MacKay (2015) yang mempercayai perkara itu mengembangkan piawaian untuk mengumpulkan dan menyusun maklumat adalah kaedah terbaik untuk menangani sejarah lisan pada zaman digital. Ini adalah isu dalam setiap wawancara dan mengukuhkan pendapatnya dengan menyatakan bahawa para pelajar perlu mempelajari perihal sejarah dengan lebih mendalam. (Topping, S., Duhon et.al (2006) Hal ini tercetus apabila kepentingan dan fungsi bangunan bersejarah boleh dijadikan sebagai bahan penyelidikan dan kajian oleh para pencinta sejarah dan bangunan-bangunan bersejarah seperti ini sangat penting bagi mereka. Dengan adanya peninggalan sejarah ini, bukti bahawa Tanah Melayu pada suatu masa dahulu sebelum merdeka pernah dijajah dapat dibuktikan. Oleh itu, kajian tentang bangunan bersejarah amatlah penting bagi generasi yang akan datang.

Pada waktu yang sama, kepentingan dan sumbangan kajian ini ialah dapat memelihara dan memulihara bangunan bersejarah yang kian lapuk ditelan zaman serta dapat meningkatkan pendapatan ekonomi negara. Hal ini terjadi kerana, bangunan bersejarah juga mampu menarik minat pelancong untuk berkunjung ke negara kita sekaligus dapat membantu peningkatan ekonomi negara. Hal ini tercetus apabila tempat-tempat menarik dan bangunan bersejarah merupakan peninggalan lama yang pasti akan menarik minat para pelancong tanpa mengira sama ada dari dalam mahupun luar negara. Sebagai contoh, bangunan Pejabat Pentadbiran Daerah Lipis, Pahang Club, dan masjid lama. Bangunan-bangunan bersejarah seperti ini akan menarik minat pelancong untuk melihat sendiri keunikan dan keindahan bangunan tersebut. Bak kata peribahasa 'di mana ada gula, di situlah ada semut'. Oleh itu, kita sebagai masyarakat yang berbilang bangsa ini seharusnya bangga dengan bangunan bersejarah yang terdapat di negara kita dan jangan kita membiarkan bangunan-bangunan ini terbiar begitu sahaja.

Tambahan pula, memelihara dan memulihara sejarah lisan adalah fasa pertama penyelidikan genealogi dan pemeliharaan data. Oleh kerana maklumat yang diperolehi ini secara umumnya diperolehi daripada mereka yang lebih tua, kebimbangan terhadap gaya kehidupan dan ingatan mereka berisiko hilang pada masa yang akan datang. Oleh itu, selalu menjadi keutamaan pertama ahli sejarawan keluarga untuk mencari atau mendapatkan maklumat-maklumat penting daripada ibu bapa, keluarga terdekat bahkan jiran yang lebih tua supaya pengetahuan tentang sejarah lama terus dikekalkan. Sejarah lisan memainkan peranan penting dalam memberi kebebasan bersuara kepada orang yang tidak berkuasa dan menyeimbangkan semula naratif sejarah dari fokus tradisional mereka (Green and Rombongan, 1999). Walau bagaimanapun, kepentingan dan nilai sejarah sedemikian tidak seharusnya menjadi gambaran nilai yang ditawarkan oleh sejarah lisan kepada generasi penyelidikan sejarah lain, termasuk sejarah pemasaran dan perniagaan.

TINJAUAN LITERATUR

Bangunan memainkan peranan penting dalam penggunaan seisi rumah. Terdapat pelbagai jenis bangunan dan piawaian yang berbeza, serta mempunyai kegunaannya. Oleh itu, bangunan mempunyai konfigurasi yang berbeza untuk setiap piawaian. Bangunan yang dibina mengikut setiap piawaian dan perlu dikendalikan dengan pendekatan yang berbeza. Selain itu, kegunaan bangunan bukan hanya untuk merancang pembinaannya malahan ia juga perlu selamat digunakan. Tambahan pula, ia mempunyai bahagian fizikal yang dapat memainkan peranan penting semasa merancang dan menjadikan bangunan sebagai tempat perlindungan yang sesuai untuk semua individu menggunakannya.

Faktor Membina Bangunan Dalam Objektif Pengguna

Menurut P.A. Bowen et.al (2012), konsep menguruskan projek pembinaan sangat tertanam dalam tradisional sistem perolehan bangunan. Ireland (1983) berpendapat bahawa masa, kos dan kualiti adalah objektif utama yang boleh dicapai oleh pengguna dalam sebarang projek pembinaan. Walaupun begitu ia juga mendakwa bahawa masa, kos dan kualiti

digabungkan dalam pengurusan projek pembinaan, penyelidikan menunjukkan bahawa ia sebenarnya ada berat sebelah antara faktor kos dan masa.

Masa

Penyiapan projek pembinaan tepat pada masanya sering dilihat sebagai kriteria utama kejayaan projek oleh pengguna, kontraktor dan perunding. Newcombe et al. (1990) perhatikan bahawa terdapat kritikan sejagat kegagalan industri pembinaan untuk menyampaikan projek tepat pada masanya. NEDO (1983) menyatakan bahawa usaha pengurusan yang berdisiplin diperlukan untuk menyelesaikan projek pembinaan tepat pada waktunya. Tambahan lagi, bahawa usaha pengurusan bersama ini akan membantu mengawal kedua-dua kos dan kualiti. Hal ini sama dengan mengatakan bahawa objektif pengguna dapat dicapai melalui usaha pengurusan yang menyedari saling bergantung antara masa, kos dan kualiti.

Kos

Pengguna semakin prihatin dengan keuntungan keseluruhan projek dan kebertanggungjawaban projek secara amnya. Salah satu faktor utama yang menyebabkan kos pembinaan tinggi ialah kos bahan binaan dan upah buruh terlampau tinggi. Hal ini juga sering dikaitkan dengan kelewatan projek (Charles dan Andrew, 1990). Penyelidikan sehingga kini cenderung memberi tumpuan kepada aspek teknikal menguruskan kos pada projek pembinaan dalam pencapaian objektif pengguna.

Kualiti

Bagi pengguna, kualiti boleh didefinisikan sebagai satu komponen yang menyumbang kepada "nilai kewangan" (Flanagan dan Tate, 1997). Vincent dan Joel (1995) menentukan jumlah kualiti pengurusan seperti prosedur dalam organisasi untuk meningkatkan pencapaian kualiti dan menggabungkan semua kegunaan barang dan perkhidmatan dalam tempoh masa yang panjang. Tujuannya adalah untuk kepuasan pengguna. Selanjutnya, untuk mencapai kejayaan pengurusan kualiti projek terbahagi kepada tiga komponen yang harus diurus. Pertama, integrasi pasukan projek sehingga mempunyai objektif tunggal dan budaya bersama. Berikutnya, tumpuan pelanggan untuk

pasukan bagi memudahkan penyediaan produk serta perkhidmatan yang akan memenuhi keperluan pelanggan. Seterusnya, proses penambahbaikan berterusan di pengurusan projek pembinaan.

Penggunaan Semula Adaptif

Bangunan bersejarah merangkumi identiti sesebuah bandar kepada komuniti dan kepada generasi akan datang (Yazdani mehr, 2019). Pemuliharaan lestari dapat dicapai dengan menilai sejauh mana intervensi melalui penyesuaian seperti sesebuah bangunan. (Douglas, 2006; Haidar dan Talib, 2015). Masalah global mengenai pemuliharaan bangunan bersejarah memberikan insentif untuk kebangkitan semula kelestarian alam sekitar dan dapat mengelakkan bangunan bersejarah daripada dimusnahkan. (Bullen, 2007).

Bangunan bersejarah ditukar menjadi ruang fleksibel berdasarkan sumber yang ada mengikut kebolehlaksanaan dan pertimbangan masa untuk memenuhi tuntutan yang baru bagi pengguna. Bangunan-bangunan ini harus diubahsuai mengikut perubahan bersesuaian dengan keadaan semasa. Jika tidak, bangunan ini akan dirobohkan jika fungsinya tidak digunakan lagi. Keperluan kehidupan masa depan bangunan bergantung kepada penyelenggaraan yang boleh berubah dari masa ke semasa. Begitu juga dengan gaya hidup manusia yang berubah beberapa kali dari masa ke semasa dan ia juga berlaku untuk bangunan. (Andrade dan Bragança, 2019).

Penggunaan operasi baharu yang dipilih mengikut kesesuaian jumlah pengguna adalah salah satu pendekatan yang telah digunakan di Iran selama setengah dekad. Fungsi baharu harus sesuai dengan ruang dan harus dipilih dalam masa yang sesuai (Kabirian, 1996). Walaupun hakikatnya hasil ini telah membantu mengumpulkan data yang tidak beberapa tepat berkenaan dengan bangunan bersejarah di Iran. Namun hal ini mempengaruhi faktor dalam menilai potensi ruang bangunan bersejarah yang dapat membantu menentukan masa serta paling sesuai untuk penggunaan semula adaptif.

Menurut Plevoets dan Van Cleempoel (2014) menyatakan bahawa penggunaan semula adaptif dalam fungsi operasi bangunan bersejarah adalah prosedur untuk penyesuaian dengan sebarang perubahan dalam keadaan

semasa bangunan. Hal ini demikian kerana, bertujuan memberi alasan untuk fungsi baru bangunan. Fenomena ini bukanlah fenomena baharu apatah lagi bahawa bangunan bersejarah secara strukturnya selamat sehingga ia dapat memenuhi syarat fungsi baharu.

Konsep penggunaan semula adaptif akan membantu meluaskan pengetahuan dan maklumat mengenai struktur bangunan bersejarah melalui pembangunan lestari dari segi pendekatan pemulihan seperti pengurangan sisa pembinaan, melaksanakan pendekatan tepat pada masanya dan meminimumkan kesan yang disebabkan oleh aktiviti terhadap alam sekitar. Penentuan masa yang sesuai untuk mengubah penggunaan atau pemuliharaan bangunan bersejarah boleh mengurangkan faktor bangunan ketinggalan zaman ekoran banyak pembangunan baharu berpunca daripada penggunaan bahan yang berkurang, pencemaran udara dan peningkatan kelestarian ekonomi dari masa ke semasa.

Penilaian Bangunan Warisan

Menurut Tweed et al., (2002), dalam mengekalkan dan memelihara bangunan bersejarah, kaedah penilaian turut digunakan. Sehubungan dengan itu, berkenaan dengan kaedah penilaian, beberapa penelitian kaedah telah digunakan. Salah satu kaedah ialah mendapatkan pandangan masyarakat mengenai pemeliharaan bangunan bersejarah. Selain itu, sebilangan pakar pemuliharaan telah memberikan penilaian yang mudah bagi kaedah untuk pakar menilai bangunan bersejarah merangkumi pelbagai kriteria. (Kalman, 1980; Pejabat Kajian Bangunan Warisan Persekutuan, 2008).

METODOLOGI


Kajian sejarah lisan adalah pengumpulan dan kajian maklumat sejarah mengenai individu, keluarga, peristiwa penting, atau kehidupan sehari-hari menggunakan pita rakaman, rakaman video, atau transkrip wawancara yang dirancang. Temu ramah ini dilakukan dengan orang-orang yang mengetahui atau melihat peristiwa masa lalu. Selain itu, ingatan dan persepsi mereka akan disimpan sebagai rakaman suara untuk generasi akan datang. Kajian sejarah lisan ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat dari perspektif yang berbeza dan kebanyakannya tidak terdapat dalam sumber bertulis. Sejarah lisan juga

merujuk kepada maklumat yang dikumpulkan dan karya bertulis samada yang diterbitkan atau tidak diterbitkan. Pengetahuan yang disampaikan melalui Sejarah Lisan adalah unik kerana ia berkongsi perspektif, pemikiran, pendapat dan pemahaman orang yang berbeza-beza dari pelbagai sumber.

Dalam kajian ini kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah kaedah temubual. Hal ini demikian untuk memudahkan urusan bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan bangunan bersejarah iaitu bangunan Pentadbiran Daerah Lipis. Kaedah yang dipilih ini juga adalah dengan persetujuan tokoh tersebut kerana beliau juga mempunyai masa lapang pada hari yang telah ditetapkan itu. Kajian ini dilaksanakan dengan melibatkan dua orang tokoh yang mahir dalam bidang binaan bangunan. Kaedah ini juga memberi banyak manfaat kepada kajian yang dilakukan.

Selain itu, kaedah tinjauan juga digunakan bagi mendapatkan dokumen-dokumen penting seperti peta, gambar, artikel dan banyak lagi yang berkaitan dengan bangunan tersebut. Kaedah tinjauan ini digunakan supaya berbagai-bagai informasi dapat diperolehi seperti maklumat-maklumat yang berkaitan dengan bangunan tersebut.

Tambahan lagi, kaedah kualitatif juga digunakan dalam kajian ini. Menurut Cresswell (1998), proses pengumpulan melibatkan pengenalan tempat atau masyarakat, mengakses dan membuat dokumentasi, melalui pengambilan sampel yang dirancang, pengumpulan data serta maklumat yang berlebihan dan pecahan masalah yang dihadapi semasa kajian lapangan. Manakala, dalam kajian ini, dokumen yang diperolehi adalah dari Pejabat Majlis Daerah Kuala Lipis dan diambil di bawah Unit Perancangan dan Ukur.

HASIL KAJIAN

Rajah 1: Kerangka Perbincangan

Sejarah Bangunan Pentadbiran Kuala Lipis

Berdasarkan rujukan daripada sumber Majlis Daerah Lipis, pada tahun 1919, Bangunan Pentadbiran Kuala Lipis atau lebih dikenali sebagai Bangunan Kompleks Pejabat Kerajaan siap dibina untuk dijadikan pusat pentadbiran utama bagi Negeri Pahang. Bangunan ini mempunyai dua aras yang mempunyai banyak ruang serta fungsinya yang tersendiri. Di aras atas mempunyai ruangan untuk pegawai-pegawai pentadbiran dan Pejabat Residen British. Manakala di aras bawah pula berfungsi sebagai Pejabat Kutipan Hasil dan Perbendaharaan Kerajaan British. Hal ini demikian kerana, pada ketika itu, Lipis merupakan daerah terbesar di Negeri Pahang kerana Daerah Jerantut sekarang juga di bawah pentadbiran Daerah Lipis pada ketika itu.

Pada tahun 1948, jawatan Menteri Besar diwujudkan dan telah menjadikan bangunan ini sebagai pejabat Menteri Besar Negeri Pahang dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang. Menteri Besar Pahang yang pertama iaitu Dato' Setia Wangsa Sir Mahmud bin Mat yang memulakan tugasnya bermula 1 Februari 1948 sehingga 1 Februari 1951, beliau juga merupakan pembesar dalam kalangan orang Melayu. Sekolah Menengah Setia Wangsa yang wujud kini merupakan sempena nama beliau. Tambahan pula, Dato' Setia Raja Abu Samad Bin Haji Mat juga merupakan diantara salah seorang yang pernah berkhidmat di bangunan tersebut sebagai Setiausaha Kerajaan Pahang sekitar tahun 1948 sehingga tahun 1952, manakala Orang Kaya Indera Shahbandar Abdul Razak Bim Dato' Hussein pula merupakan Setiausaha kedua Kerajaan Pahang.

Pada 27 Ogos 1955, Ibu Negeri telah dipindahkan ke Kuantan dan menyebabkan pusat pentadbiran ini dijadikan Pejabat Daerah Lipis sehingga tahun 2014. Dalam bangunan tersebut dikatakan terdapat sebuah bilik yang digunakan oleh Sir Hugh Clifford untuk menjalankan tugas sebagai Pentadbir Daerah Lipis. Selain itu, dalam bangunan ini juga mempunyai Mahkamah Daerah Lipis tetapi ianya tidak digunakan lagi. Hal ini kerana, Kompleks Mahkamah khusus telah dibina di Daerah Lipis. Tambahan pula, di bahagian bawah bangunan ini pula terdapat Merchantile Bank atau dikenali juga sebagai Bank Perdagangan British. Setelah terbinanya bangunan-bangunan tambahan, seluruh jabatan kerajaan yang terdapat di Lipis telah dihimpuikan di bawah satu kompleks dan kini hanya tinggal beberapa jabatan yang masih lagi beroperasi di bangunan tersebut seperti Majlis Daerah Lipis, Jabatan Kerja Raya Daerah Lipis, Jabatan Perhutanan Daerah Lipis dan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Pahang.

Bahan membina bangunan

Terdapat banyak jenis bahan binaan yang digunakan dalam pembinaan bangunan seperti beton, keluli, kayu dan masonry. Setiap bahan mempunyai sifat yang berbeza seperti berat, kekuatan, ketahanan dan kos yang menjadikan ia sesuai untuk digunakan. Pemilihan bahan untuk pembinaan didasarkan pada kos dan keberkesanan untuk menahan beban dan tekanan yang bertindak pada struktur. (Norazahar, 2020)

Antara jenis bahan yang digunakan ialah konkrit. Konkrit adalah bahan komposit yang dibuat dari pencampuran simen, agregat seperti pasir dan batu hancur dan air. Sifat konkrit bergantung pada nisbah yang digunakan dalam reka bentuk campuran. Oleh itu, adalah amalan biasa bagi pembekal konkrit untuk memberikan sifat bahan dan hasil ujian untuk setiap tampalan konkrit.

Selain itu, keluli juga digunakan dalam membuat bangunan. Keluli adalah salah satu bahan binaan paling kuat yang mengandungi kapasiti kekuatan yang sangat baik dengan ketegangan dan mampatan yang kukuh untuk membina sesebuah bangunan yang luas dan besar. Oleh kerana nisbah kekuatan dan berat dan tinggi, ia sangat sesuai untuk rangka struktur bangunan tinggi dan kemudahan industri yang besar. Struktur keluli boleh

didapati dalam bentuk standard seperti sudut. Bentuk-bentuk ini boleh dikimpal bersama atau disambungkan menggunakan bolt kekuatan yang tinggi untuk membina struktur yang mampu menahan daya yang besar.

Tambahan pula, terdapat juga pembinaan bangunan yang menggunakan kayu sebagai bahan binaan selama ribuan tahun dan jika dijaga dengan betul dapat bertahan selama seratus tahun. Ini adalah sumber semula jadi yang mudah didapati dan sesuai dari segi pasaran ekonomi dengan beratnya yang ringan dan sifat yang sangat mudah di mesin. Ia juga memberikan penebat yang baik seperti menyejukkan serta menjadikannya bahan bangunan yang sangat baik untuk membina rumah dan bangunan kediaman.

Pembinaan batu untuk membina struktur yang biasanya menggunakan mortar untuk mengikat unit antara sesuatu bahan. Bahan yang paling biasa digunakan dalam reka bentuk struktur batu adalah blok konkrit, dengan keluli menegak (jika diperlukan), masonry kuat dalam menahan beban atau tekanan mampatan yang menjadikannya sesuai digunakan untuk pembinaan dinding gelas beban. Bahan batu lain termasuk bata, batu dan bongkah kaca. Masonry adalah bahan tahan lama dan tahan api, namun ia sensitif terhadap kualiti mortar dan pembuatan.

Kaedah memelihara bangunan lama

Antara kaedah yang boleh digunakan untuk menjaga bangunan lama ialah melalui kaedah pemeliharaan. Pemeliharaan bangunan bersejarah melibatkan cara melindungi dan memelihara sesuatu bangunan tersebut. Hal ini demikian kerana, bangunan lama yang telah digunakan selama bertahun-tahun kemungkinan akan mengalami kerosakan yang perlu dibaiki dan hendaklah dikekalkan struktur asalnya. Tujuan ini adalah untuk menjimatkan bahan asli, yang dapat mungkin memerlukan kos yang tinggi untuk proses pemeliharaan dan membatasi penggunaan masa depan bangunan.

Selain itu, kaedah yang boleh dilakukan ialah melalui pemulihan. Pemulihan bangunan bersejarah adalah sama seperti pemeliharaan yang memfokuskan untuk mengembalikan bangunan bersejarah kepada bentuk asalnya dalam jangka masa tertentu. Kaedah ini bergantung pada dokumen

bersejarah termasuk rangka tindakan dan gambar serta menggunakan bahan dan teknik binaan asli untuk memulihkan bangunan seperti yang dilihat dalam jangka masa tertentu. Ini adalah kaedah pilihan untuk muzium dan kumpulan bersejarah kerana ia memberikan pengalaman pendidikan yang mendalam.

Seterusnya, penggunaan adaptif juga boleh digunakan sebagai kaedah untuk menjaga bangunan. Hal ini dikatakan demikian kerana kaedah menyelamatkan bangunan bersejarah dengan mengubah tujuan asalnya tidak digalakkan kerana ciri-ciri bersejarah dapat dipelihara, sementara dalaman bangunan diubah suai untuk menampung tujuan baru. Contoh penggunaan semula adaptif yang paling biasa ialah mengubah gudang lama menjadi pangsapuri orang kaya, mengubah rumah bersejarah menjadi pejabat, dan mengubah semula bangunan kilang atau perindustrian menjadi muzium.

Akhir sekali, kerajaan juga hendaklah menyediakan peruntukan khas bagi memudahkan pihak yang bertanggungjawab untuk membaiki dan memulihkan bangunan lama yang kelihatan usang. Dengan peruntukan yang diberikan, kita dapat menceriakan kembali bangunan tersebut dan dapat menarik minat pelancong dari dalam mahupun luar negara untuk singgah di bangunan bersejarah tersebut. Hal ini juga akan menyumbang peningkatan kepada ekonomi negara kita.

Kesimpulannya, semua pihak hendaklah bertanggungjawab dalam memelihara dan memelihara bangunan bersejarah ini supaya ia tidak dibiarkan tanpa mempunyai sebarang nilai di mata masyarakat.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, memelihara bangunan warisan memerlukan daya pemikiran yang tinggi dan pemahaman tentang bukti-bukti serta pengetahuan sejarah daripada mereka yang lebih arif tentang sejarah lama. Pemeliharaan menitik beratkan pengurusan sumber yang betul serta kaedah yang lebih teratur mengenai tugas pemeliharaan. Oleh itu, kerja-kerja atau tugas-tugas memelihara harus ditangani dengan baik serta memerlukan kecekapan dan kemahiran untuk mengekalkan kualiti dari bahan binaan, seni bina dan pertukangan. Pemeliharaan bangunan adalah bidang yang melibatkan input dari pelbagai profesional termasuk arkitek, jurutera, sejarawan, arkeologi, ahli

kimia, ahli alam sekitar, dan ahli lain. Untuk perkembangan bidang ini pada masa depan, lebih banyak usaha harus dilakukan oleh semua pihak untuk mendidik masyarakat tentang pemuliharaan warisan.

Berdasarkan koleksi Jeffco Stories, menunjukkan bahawa membina koleksi digital yang lestari memerlukan usaha berterusan dalam memilih dan mengekalkan akses dan penyelesaian pemeliharaan digital. Di dalam perubahan persekitaran teknikal, institusi warisan budaya perlu menyedari bahawa koleksi digital tidak dapat dikekalkan di platform yang sama selamanya dan perlu diubah untuk memantau kos, mengekalkan kebolehcapaian, menampung fungsi baru dan mematuhi standard baru. Teknologi perpustakaan digital yang berkembang menimbulkan banyak cabaran berkaitan dengan kewujudan sistem baru, dan menawarkan penyelesaian berasaskan gaya simpanan baru yang membolehkan institusi warisan budaya yang lebih kecil dengan sumber yang terhad untuk mengambil bahagian dalam menggunakan koleksi digital. Hal ini berkaitan dengan bangunan bersejarah yang memerlukan pengumpulan dan pengurusan aset digital mereka yang mematuhi piawaian sistem pemeliharaan. (Matusiak, K.K. et. al (2017).

RUJUKAN

- Bowen, Paul & Cattell, K. & Edwards, Peter & Pearl, Robert. (2012). Perceptions of Time, Cost and Quality Management on Building Projects. *Australasian Journal of Construction Economics and Building*. 2. 10.5130/ajceb.2i2.2900.
- Crawford, R. and Bailey, M. (2018), "Speaking of research: oral history and marketing history", *Journal of Historical Research in Marketing*, Vol. 10 No. 1, pp. 107-128. <https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/JHRM-02-2017-0007>
- Edge Hill University. (2014). *Oral History*. Diambil daripada <https://www.edgehill.ac.uk/histlearn/resources/oral-history/>
- L. Rhodes, G. (2013), "Oral history centres and collections: a selective bibliography", *Reference Reviews*, Vol. 27 No. 8, pp. 4-8. <https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/RR-06-2013-0149>
- Matusiak, K.K., Tyler, A., Newton, C. and Polepeddi, P. (2017), "Finding access and digital preservation solutions for a digitized oral history project: A case study", *Digital Library Perspectives*, Vol. 33 No. 2, pp. 88-99. <https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/DLP-07-2016-0025>

- Oral History Association. (2020). *Oral History: Defined*. Diambil daripada <https://www.oralhistory.org/about/do-oral-history/>
- Sharifi, A.A. and Farahinia, A.H. (2020), "Evaluation of the adaptive reuse potential of historic buildings and proposition of preventive-protective measures", *International Journal of Building Pathology and Adaptation*, Vol. 38 No. 3, pp. 493-507. <https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/IJBPA-07-2019-0057>
- Spigliantini, G., Fabi, V., Schweiker, M. and Corgnati, S. (2019), "Historical buildings' energy conservation potentialities: A methodology focused on building operation", *International Journal of Building Pathology and Adaptation*, Vol. 37 No. 3, pp. 306-325. <https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/IJBPA-12-2017-0062>
- Stephenson, M. (2008), "Timeless projects: remembering and voice in the history of education", *History of Education Review*, Vol. 37 No. 2, pp. 3-13. <https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/08198691200800006>
- Structural Engineering Basics. (2020). *What Building Materials are Used in Construction?* Diambil daripada <https://structuralengineeringbasics.com/what-types-of-construction-building-materials/>
- Topping, S., Duhon, D. and Bushardt, S. (2006), "Oral history as a classroom tool: learning management theory from the evolution of an organization", *Journal of Management History*, Vol. 12 No. 2, pp. 154-166. <https://doiorg.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/13552520610654050>
- Tourism Pahang Malaysia. (2020). *Historical Buildings in Kuala Lipis*. Diambil daripada <https://www.pahangtourism.org.my/index.php/lipis/historical-buildings-in-kuala-lipis>
- Turner, K. (2017), "Creating history: a case study in making oral histories more accessible in the digital age", *Digital Library Perspectives*, Vol. 33 No. 1, pp. 48-62. <https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/DLP-06-2016-0016>
- Walker, I. and Halvey, M. (2017), "On designing an oral history search system", *Journal of Documentation*, Vol. 73 No. 6, pp. 1281-1298. <https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/JD-10-2016-0121>
- Wolfe House and Building Movers. (2020). *Guide for Saving a Historic Building*. Diambil daripada <https://www.wolfehousebuildingmovers.com/historic-building-preservation-guide/>
- Yung, E.H.K. and Chan, E.H.W. (2013), "Evaluation for the conservation of historic buildings: Differences between the laymen, professionals and policy makers", *Facilities*, Vol. 31 No. 11/12, pp. 542-564. <https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/F-03-2012-0023>

Zolkafli, U.K., Yahya, Z., Zakaria, N., Akashah, F.W. and Ali, A.S. (2015), "Restoration of historical timber building: a Malaysian case study", *Structural Survey*, Vol. 33 No. 4/5, pp. 309-321. <https://doi-org.ezaccess.library.uitm.edu.my/10.1108/SS-01-2015-0004>